

## Nasional

**Penularan COVID-19**

# Pelajar ke luar negara tak perlu mohon imigresen

Hanya kemuka kad pelajar, surat tawaran pengajian sebagai bukti

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Pelajar yang perlu ke luar negara bagi menyambung pengajian, termasuk mendaftar sebagai pelajar baharu dibenarkan berbuat demikian tanpa perlu memohon kelulusan Jabatan Imigresen.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjelaskan mereka hanya disyaratkan mengemukakan bukti seperti kad pelajar dan surat tawaran pengajian belajar di luar negara.

Beliau turut menegaskan hanya ibu bapa dibenarkan mengiringi anak mereka ke luar negara bagi melanjutkan pengajian.

"Ibu bapa yang nak menghantar dan menemani anak mereka ke luar negara dihad dua orang saja, tidak boleh bawa keluarga macam dulu. Sebelum ini ada (keluarga) yang mengambil pe-

luang untuk bercuti di luar negara.

"Hanya dibenarkan ibu bapa dan bukan seluruh keluarga seperti sebelum ini. Selepas pelajar dihantar, sebaik saji ibu bapa kembali ke tanah air; mereka akan dikenakan kuarantin wajib selama 14 hari," katanya pada sidang media Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP), semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri mengingatkan rakyat tidak alpa dan sentiasa mematuhi setiap prosedur operasi standard (SOP) seperti kerana penularan virus COVID-19 belum berjaya diputuskan.

Beliau melahirkan rasa bimbang apabila mendapati rakyat ketika ini berasa selesa apabila kes COVID-19 sebelum ini menunjukkan penurunan sehingga ke satu angka selain tiada penularan jangkitan tempatan selama beberapa hari.

Beliau berkata, keadaan di seluruh dunia berubah apabila ada negara yang sebelum ini menjadi contoh kerana merekodkan kes COVID-19 yang rendah, kini menunjukkan peningkatan kes jangkitan.

"Perkara sama berlaku di negara ini apabila berlaku peningkatan kes seperti di Kedah membabitkan Kluster PUI Sivagangga dan Perintah Kawalan Pergera-

*Ibu bapa yang  
nak menghantar  
dan menemani anak  
mereka ke luar negara  
dihad dua orang saja,  
tidak boleh  
bawa keluarga  
macam dulu.*

*Ismail Sabri Yaakob,  
Menteri Kanan  
(Keselamatan)*

kan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran terpaksa dilaksanakan. Kini PKPD pula dilakukan di Kota Setar.

"Sebab itu kita kena anggap virus ini masih berada di sekitar kita. Kita jangan alpa dan mematuhi setiap SOP seperti makai pelitup muka dan mengambil suhu tubuh masuk ke premisnya.

Dalam perkembangan terbaharunya, Ismail Sabri mahu rakyat menggunakan sunat tempon 15 hari terakhir bulan ini untuk melengkapkan segera ban-

cian kendiri secara dalam talian atau e-Census yang tamat pada 30 September.

Beliau berkata, sehingga kini, hanya 1.5 juta rakyat selesai mengisi e-Census dan angka itu masih bawah sasaran kerajaan Malaysia mempunyai kira-kira 32.7 juta penduduk.

"Berbaki 15 hari, saya menyeru orang ramai memanfaatkan pengisian e-Census yang akan tamat pada 30 September bagi mengurangkan interaksi banci secara bersemuka mulai 7 Oktober ini," katanya.

